

Malaysia perlu 10 tahun lagi lahirkan pelayar bertaraf dunia

BH - 19/6/2007

Oleh Meor Hisham Zulkifli

WALAU PUN cemerlang menganjurkan kejuaraan kapal layar antarabangsa Piala Monsun yang diiktiraf dunia, Malaysia perlu menunggu sehingga lima atau 10 tahun lagi untuk melahirkan pelayar yang mampu mencabar jaguh sejagat.

Kenyataan itu diluahkan Peter Gilmore yang menjadi jurulatih kepada pasukan Alinghi, pasukan yang bakal mempertahankan gelaran juara dalam pertandingan kapal layar paling berprestij dunia, Piala Amerika yang dijadual bermula 23 Jun hingga 7 Julai ini.

Beliau berkata, Malaysia menerusi pelbagai kejohanan kapal layar yang dianjurkan, berjaya mencungkil ramai bakat baru dalam sukan ini te-

tapi mereka perlu lebih banyak belajar untuk mampu mencabar jaguh dunia.

"Malaysia sudah meletakkan asas yang baik untuk melahirkan pelayar yang berwibawa dan dengan program latihan serta pendedahan berkesan, negara ini mampu melahirkan pelayar bertaraf dunia antara lima hingga 10 tahun lagi.

"Saya yakin matlamat itu dapat dicapai dan mungkin suatu masa nanti kita dapat melihat pasukan pelayar Malaysia menyertai Piala Amerika," katanya yang juga pengarah perlumbaan Piala Monsun.

Beliau berkata demikian menerusi telefon dari Valencia pada sidang akhbar penghantaran 15 delegasi pegawai Malaysia dan Piala Monsun ke kejohanan Piala Amerika di Valencia, Sepanyol bagi mempromosikan

kejohanan tempatan itu serta menggalakkan pelancong ke Malaysia.

Majlis disempurnakan Ketua Pengarah Pelancongan Malaysia, Datuk Mirza Mohammad Taiyab dan turut dihadiri pelayar negara, Datuk Azhar Mansor.

Sementara itu, Pengerusi T-Best Event yang menjadi penganjur Piala Monsun, Datuk Wan Hisham Wan Salleh, berkata Malaysia mempunyai pelbagai kejohanan kapal dan perahu layar bagi menyediakan asas untuk mencungkil bakat tempatan.

Mengulas persiapan untuk Piala Monsun, beliau menegaskan, Terengganu yang menjadi lokasi tetap perlumbaan itu akan menganjurkan Piala Pertabalan pada September depan bagi memilih pelumba negara untuk beraksi di Piala Monsun.

Perlumbaan Piala Monsun tahun ini akan diadakan pada 28 November hingga 2 Disember dan ia adalah siri terakhir Jelajah Perlumbaan Kapal Layar Dunia yang mana akan menyaksikan juara keseluruhan dinobatkan di Pulau Duyung, Terengganu.

Dalam perkembangan berkaitan, T-Best bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan Malaysia untuk menghantar delegasi pegawai ke Piala Amerika yang dilangsungkan di Valencia, Sepanyol untuk mempromosi Piala Monsun.

"Delegasi itu juga akan mempelajari aspek penganjuran sukan paling lama dalam sejarah itu selain mempromosikan acara di Terengganu khususnya dan pelancongan di Malaysia amnya," kata Wan Hisham.